**LATIHAN SINTAKSIS (ANEKA PILIHAN)** 1

*Jawab semua soalan.*

01. Binaan yang manakah tergolong dalam frasa eksosentrik?

A. Dari desa
B. Berlari laju
C. Atlet harapan
D. Kuning langsat

**02.** Ayat-ayat di bawah menggunakan frasa sendi nama dengan betul **kecuali**

I Bantuan diperoleh dari dalam dan luar negara.
II Kesan ancaman itu diteliti dari semasa ke semasa.
III Dia tidak menyatakan hendak pergi ke Sabah atau Sarawak.
IV Kami mengubahsuai ayat itu daripada bentuk aktif ke bentuk pasif.

A. I dan II
B. II dan IV
C. I dan III
D III dan IV

03. Dia selalu terlewat kerana kesesakan jalan raya.

Bahagian bergaris dalam ayat di atas berfungsi sebagai

I klausa bebas
II klausa utama
III klausa kerja
IV klausa keterangan

A. I dan II
B. I dan III
C. II dan IV
D. III dan IV

04. Yang manakah antara yang berikut ayat dasar?

A. Farid dan Zamri baru sampai.
B. Mengapakah anda tidak menyertai acara itu?
C. Sekarang juga mereka mahu meninggalkan tempat itu.
D. Perdana Menteri akan mengadakan lawatan ke daerah kami tidak lama lagi.

05. Kenal pasti pola ayat yang **tidak tepat** bagi ayat contoh yang dikemukakan.

| | *Pola ayat* | *Ayat contoh* |
|---|---|---|
| I | FN + FN | Bapanya pegawai kanan syarikat kami. |
| II | FN + FK | Pemain pertahanan pasukan itu hebat sekali. |
| III | FN + FA | Mereka pernah mengalami keadaan itu sebelum ini. |
| IV | FN + FS | Keluarga angkat ahli perniagaan terkenal itu di Johor Bahru. |

A. I dan III
B. II dan IV
C. I dan IV
D. II dan III

06. Yang manakah bukan ayat pasif?

I Buku itu telah saya pulangkan kelmarin.
II Pemburu itu tertembak monyet peliharaan rakannya.
III Kegiatan tidak bermoral di pekan itu sedang ditangani.
IV Ketika membelok ke simpang kiri, lori itu tiba-tiba terbabas.

A. I dan II
B. I dan III
C. III dan IV
D. II dan IV

07. Ayat yang manakah disusun secara penyongsangan sebahagian predikat?

A. Ke situ mereka dengan menunggang basikal.
B. Sungguh menyeronokkan permainan itu tadi.
C. Kedua-duanya menyatakan keinsafan masing-masing.
D. Sungguh berbakat besar anak-anak muda yang awak bimbing.

08. Subjek ayat yang manakah yang dibina dengan menggunakan unsur bukan nama?

A Tidak lama lagi keretapi tiba.
B Amat mempesonakan gubahan bunga itu.
C Sudah tidak digemari remaja bekerja di ladang.
D Cuaca yang sangat panas merimaskan peserta pertandingan.

09. Yang manakah antara yang berikut ayat majmuk pancangan keterangan?

I. Dia akan berjaya sekiranya dia tidak berputus asa.
II. Kita harus mengakui hakikat bahawa kita manusia biasa.
III. Apabila ibu bapa mereka pulang, budak-budak itu sangat gembira.
IV. Jamali bukan orang kaya tetapi dia selalu bersedekah kepada badan kebajikan.

A. I dan III
B. I dan IV
C. II dan III
D. II dan IV

10. Yang manakah ayat transformasi?

I. Ibu sedang menunggunya di dalam kereta.
II. Penjawat awam harus melaksanakan semua dasar kerajaan semasa.
III. Dia dibantu oleh keluarganya untuk menjayakan projek mega tersebut.
IV. Semenjak dia mengikuti kursus motivasi itu, dia sangat mesra dengan kami.

A. I dan II
B. I dan III
C. II dan IV
D. III dan IV

11.

| | |
|---|---|
| I | : Mak Piah menghidangi kami pisang goreng. |
| II | : Mak Piah menghidangkan pisang goreng kepada kami. |

Perubahan daripada ayat I kepada ayat II disebabkan oleh

A. penyusunan semula frasa nama sebagai objek
B. penyusunan semula frasa nama sebagai subjek
C. pengguguran frasa nama sebagai sebagai subjek
D. peluasan frasa nama sebagai subjek melalui relativisasi

12.

<u>Ayat</u>

Subjek — Frasa nama + peluasan

Predikat — Frasa kerja + peluasan

Yang manakah ayat yang sesuai dengan rumus di atas?

A. Wirda menyambut neneknya yang baru pulang.
B. Wang yang tercicir itu kepunyaan seorang pengurus kedai.
C. Pokok yang tumbang itu sudah dibersihkan oleh pekerja yang bertugas.
D. Anak yang sangat lincah tadi sedang makan dengan datuknya di restoran.

13. Pilih padanan yang **tidak betul** antara ayat aktif dengan ayat contoh yang disediakan.

| | *Jenis ayat aktif* | *Ayat contoh* |
|---|---|---|
| I | Ayat aktif transitif dengan dua objek | Dermawan itu mahu menjadikan murid miskin itu anak angkatnya. |
| II | Ayat aktif tak transitif dengan keterangan yang boleh digugurkan | Semua peserta pidato sedang berlatih di bilik persediaan. |
| III | Ayat aktif tak transitif dengan keterangan yang tidak boleh digugurkan | Sedang menghala ke arah bandar lori tangki yang kamu kejar itu. |
| IV | Ayat aktif transitif dengan satu objek | Pegawai itu menghadiahi pekerjanya bungkusan makanan setiap dua bulan. |

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D III dan IV

14.14. 

| |
|---|
| Frasa nama subjek + Klausa komplemen + Klausa relatif |

Ayat yang dapat dihasilkan daripada struktur di atas ialah

A. ayat majmuk relatif
B. ayat majmuk campuran
C. ayat majmuk gabungan
D. ayat majmuk komplemen

15. Yang manakah ayat penyata majmuk?

A. Mengapakah kamu lambat sampai?
B. Halus sungguh budi bahasa jejaka tampan itu.
C. Kita mesti menjelaskan hal ini kepada penduduk kampung.
D. Budak itu akan berhenti daripada menangis kalau dia sudah kenyang.